Makna
DARI DALAM MAKNA

Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani

MAKNA DARI DALAM MAKNA

siri 8

Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia

Cetakan Pertama : ZulHijjah 1436H - September 2015M

Diterbitkan oleh
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
BAIT SYDNA SYEIKH ABDUN NASIR AL-HASANI
No. 2 Jalan Gunung Nuang U11/9A, Bukit Bandaraya SS U11,
40170 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Penerbit Eksekutif
Dr Mahmoud MrGlani

Penulis
Dr Mahmoud MrGlani

Penterjemah
Rahmat Muhamad

Reka Bentuk kulit dan Kandungan
Abdul Jalil Shukor

Diedar Oleh
Persatuan Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia

Zawiyah As-Syaziliyyah Internasional - Malaysia
Pustaka Sufi Arab - Terjemahan Melayu
Rahmat Muhamad

Makna Dari Dalam Makna

Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani

alih bahasa :
Rahmat Syazili

-siri 8-

Daftar Isi

Sidna As-Syeikh Al-Kamil
As-Syarif Abdun Nasir Al-Hasani As-Syazili

Sekapur Sireh

الحَمدُ لِلهِ رَبِّ العَالَـمِين * اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّم وَبارِك عَلَى سَيِّدِنَا وَمَولَانَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الطَّيِّبِينَ وَذُرِّيَّتِهِ الـمُبَارَكِينَ وَصَحَابَتِهِ الأَكرَمِينَ وَأَزوَاجِهِ أُمَّهَاتِ الـمُؤمِنِينَ صَلَاةً مَوصُولَةً تَتَرَدَّدُ إِلَى يَومِ الدِّينِ * وَبَعدُه؛

Alhamdulillah dengan limpah kurnia dariNya sekarang terbitlah siri kelapan dari koleksi terjemahan Melayu artikel guru murrobbi kami Syeikh Dr. Mahmoud MrGlani Al-Husayni putera kota Madinah Al-Munawwarah dari asal teks Bahasa Arabnya yang beliau siarkan secara berterusan di laman Facebook sejak bertahun-tahun.

Penulisan beliau yang menyentuh berbagai topik dan secara khusus memfokus kepada usaha-usaha untuk menghidupkan kembali hati dan naluri insan Muslim dan nonmuslim di zaman kita telah membuka

mata, akal dan sanubari kami murid-murid beliau di tanah air, ia telah membantu memperbetul berbagai kesalahfahaman kami serta meluruskan halatuju dalam hidup untuk menempuh jalan menuju ALLAH.

Maka inilah kami bukukan artikel-artikel Syeikh kami itu buat peringatan dan obor menerangi hayat... untuk kita sekarang dan buat generasi yang mendatang.

وَاللهُ وَلِيُّ التَّوفِيقِ وَالسَّدَادِ وَإِلَيهِ المَرجِعُ وَالمَعَادُ.

-Penerbit-

Maka Amat Rugilah Kita Apabila Dipaksa Berubah -1

29 May 2015

Jika engkau mampu untuk berubah...maka berubahlah dengan pantas, sesuai dengan keadaanmu dan dengan apa yang kau redhoi... dan dengan jalan yang soheh lagi tabi'i...
...(berubahlah) sebelum engkau dipaksa untuk berubah... kearah tuju yang mereka tetapkan keatasmu... dengan jalan yang mereka mahu dan dengan hasil yang mereka suka untuk berlaku keatasmu.

Inilah undang-undang baru... samaada kita setuju atau tidak.

Memori 30 tahun yang lalu buat saya rasa sayu... ketika itu buat pertama kalinya rumah-rumah kediaman dan premis-premis perniagaan dirobohkan (هدد/hdad) untuk memberi laluan kepada perluasan kompleks Masjid Haram Nabawi yang mulia.

Dahulu kehidupan rasa manis... sederhana ... semua orang amat beradab sopan... khususnya mereka yang berada di dalam Masjid Haram Nabawi yang mulia.

Saya masih ingat di setiap tiang Haram Nabawi ada seorang soleh ahli ibadah... waliyyullah... ahli zikir... ahli Tasawuf Islam.

(Dahulu) orang alim yang beramal jika dia tidak sufi nescaya takkan ada orang pergi menuntut ilmu dengannya... dia akan dibiarkan sendiri.

Cahaya terpancar dari dahi dan wajah syeikh itu atau ahli zikir itu... bagai sang suria... bagai rembulan... bagai purnama... berbagai tingkatan cahaya, maqam dan martabat.

Di hari-hari Ramadhan... solat terawih tidak menjadi paksaan... mereka yang mengerjakannya tak lebih dari 10 saf di hadapan.

Dahulu memang ada solat terawih... tapi (yang namanya) solatul qiyam cuma baru muncul beberapa tahun selepas itu.

Waktu itu mereka solat witir dua kali satu malam... lepas solat terawih... dan selepas solatul qiyam

kemudian mereka menyedari... bahawa solat witir itu hanya sekali pada satu malam... dan tidak ada solat lain selepasnya.

Allahumma sesungguhnya kami (ahli Madinah)

sudah menempuh berbagai pengalaman dari campur tangan manusia...

...ALLAH... hanya Dia satu-satuNya... yang mengetahui apa tujuan mereka.

Adapun yang lain (dari mereka)) di Masjid Haram Nabawi ...

...ada yang dalam zikir... membaca wirid-wiridnya... tiada siapa yang mengingkari amalan orang lain... tidak ada kafir mengkafir sesama masyarakat.

Ada juga yang mengerjakan solat terawih dalam jemaah-jemaah kecil-kecilan yang tersebar dengan banyaknya di ruang-ruang Masjid Haram Nabawi... setiap jemaah terdiri dari kelompok tiga hingga lima orang penghafaz Al-Quranul Karim, sama-sama solat untuk mengulangkaji hafazan Al-Quranul Karim dan melakukan beberapa kali khatam... setiap tiga hingga lima hari sekali mereka mengkhatam Al-Quran dalam 20 rakaat.

Masing-masing sibuk dengan kehendak dan amalannya... massing-masing gembira... berbagai-bagai warna ketaatan dan bermacam-macam jenisnya.

Masing-masing mahukan ALLAH... dan berusaha mencapai redhoNya Subhanahu wa Taala.

Maka Amat Rugilah Kita Apabila Dipaksa Berubah -2

29 May 2015

Tiga puluh tahun yang lampau ... di Masjid Haram Nabawi... berziarah di dalam Rawdhah dan Muwajahah As-Syarifah (penghadapan maqam mulia) selawat terafdhal dan tahiyyat paling murni buat Baginda... adalah untuk semua orang lelaki dan wanita dewasa, untuk kanak-kanak dan semua ahli keluarga

Semuanya datang mengucap salam dan berdoa berpanjang-panjangan masa berminit-minit lamanya... tidak terdapat sebarang bentuk gangguan... sepertimana yang berlaku sekarang.

Kata orang tua-tua: "Jika tidak dimustajabkan doa di hadapan Muwajahah... habis, di mana lagi doa nak dimustajabkan".

Samalah halnya seperti di Masjid Haram Makkah sekarang... semua orang bersama-sama; wanita, lelaki,

kanak-kanak larut dalam putaran tawaf dan sa'ie... Alhamdulillah syukur pada ALLAH.

Tidak ada yang mengacau, tidak ada yang menyakiti... masing-masing tahu batasnya... masing-masing tahu apa yang boleh apa dan apa yang tak boleh.

Semua orang menghormati... dan dirinya terhormat.

Aduhai ya Salam betapa manisnya hidup... mengagumkan... indah... saya amat menyayangi zaman kanak-kanak saya.

Dahulu di kota Madinah Al-Munawwarah apabila lahir bayi... lelaki... atau perempuan...

pada harinya yang ketujuh... penjaga si bayi akan membawanya... berziarah kepada Saiyidina wa Maulana Rasulullah صلى الله عليه وسلم.

Penjaga atau khadam (al-aghawat) akan mengambil si bayi dan membawanya masuk ke dalam hujurat (rumah Sidnan Nabi… sekarang sudah dilarang)… dan meletakkannya selama beberapa waktu di bahagian dalam kelambu maqam Baginda Nabi yang mulia... supaya si bayi mengambil madad sedari kecilnya...

....dari nafahat dampingan hadrat Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم… dan membesar dengan cinta Baginda serta bergantung kepada Baginda صلى الله عليه وسلم.

Adat-adat yang indah... manis... tempo dulu...

aduhai... di zaman yang telah lalu.

Generasi-generasi yang belum hidup pada era itu berhak untuk mengetahui... segala hakikat realiti, zahir dan batinnya...

...supaya mereka beroleh keterangan, cahaya, hidayah dan ilmu... atas apa yang telah berlaku dan sedang berlaku kepada mereka.

Antara Natijah Amalan Selawat & Salam Kehadrat Saiyidina wa Maulana Nabi صلى الله عليه وسلم -1

23 May 2015

Malam ini malam jumaat... tahukah engkau apa itu malam jumaat?!

Alangkah bertuah dan berbahagia siapa yang dimuliakan pada malam ini dan pada settiap malam yang lain... dengan segala kemuliaan, kebahagiaan dan kurniaan.

Dahulu ada seorang anak raja kecil dalam sebuah negeri bersultan di dunia Islam. Kisah ini sayya dengar dari seorang pegawai besar di sebuah negara di tanah bumi Tuhan... adik kepada pegawai besar ini menduduki satu jawataan tinggi. Kata si pegawai : Anak

raja itu dihalau keluar dari istana kesultanan...

...lalu dia pun datang menemui ayah saya... ayah saya itu orang soleh dan mengikut satu tareqat sufi. Ayah saya memberi kepadanya amalan satu formula selawat salam keatas Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم … dan menyuruhnya membaca dengan bilangan tertentu… setiap hari.

Hari demi hari pun berlalu... anak raja itu akhirnya kembali ke istana... kedudukannya menanjak naik hingga menjadi sultan di negeri itu. Semuanya dengan amalan memperbanyak selawat dan salam keatas Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وعلى آله وأصحابه أجمعين … Kisah ini masyhur diketahui dan belum lama masanya.

Antara Natijah Amalan Selawat & Salam Kehadrat Saiyidina wa Maulana Nabi صلى الله عليه وسلم -2

23 May 2015

Kisah ini diceritakan kepada saya oleh seorang soleh... tika saya baru-baru ini berziarah kepadanya. Kata beliau:

Dahulu ada seorang raja besar... banyak yang telah dia lakukan... amalan baik dan jahat... ALLAH jualah yang Maha Tahu segala yang batin dan zahir... juga hujung segala amalan.

Orang soleh ini menyambung lagi: Aku telah bermimpi melihat raja itu... dia dalam keadaan yang indah. Aku pun berkata kepadanya; Wahai raja!... Apa yang dah berlaku... Semua orang menyangka bahawa

dirimu binasa. Kata raja : Iya!... Aku memang termasuk golongan binasa... golongan yang rugi.

Tapi dahulu aku ada mengamal wirid yang ku ambil dari kalangan solihin, wirid selawat salam keatas Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم… ku baca dengan bilangan tertentu… setiap hari… amalan itu menjadi rahsiaku yang tak diketahui oleh sesiapa pun.

Dengan Saiyidina Rasulullah aku selamat...

Dengan fadilat selawat salam keatas Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم… dosa-dosaku diampuni... maka inilah sekarang engkau bermimpi melihat aku dalam hal kebaikan ini... walhamdulillah.

Aku Takjub -1

Mac 2015

Takjubnya aku dengan ehwal dunia
ia berada di hadapanku tiap kali aku ke pasar

Kedainya cantik, menjual berbagai jenis manisan, kek, baqlawa... koko... cokelat... teh, kopi... aiskrim...

...premis yang bersih... ada banyak pelanggan.

[Satu hari] tiba-tiba aku lalu di kawasan itu...

aku dapati kedai itu... sudah tutup... terbiar... segala yang di dalamnya sudah punah ranah.

Tempat itu sudah jadi runtuhan.

Maha Suci Tuhan yang maha mengubah segala ahwal.

Aku merasa ajaib... aku merasa takjub....

Apakah ini dari ahwal dunia... dan sesuatu yang natural berlaku...

atau ia sebenarnya berlaku dengan sebab-sebab yang sedikit atau banyak...

yang antaranya seperti `ain (pandangan mata/ keteguran)... hasad dengki... tenung mata (yang jahat)... sihir...

...atau itu sudah sunnatullah (ketetapan ALLAH) Jalla jalaluh di alam buanaNya... supaya kita mengambil iktibar dan pelajaran...

...atau lain dari itu.

Aku Takjub -2

Mac 2015

Kami pergi bersama Sidna As-Syeikh Abdun Nasir رضي الله عنه وأرضاه ورضي عنا به berziarah kepada Maulana Jalaluddin Ar-Rumi -semoga ALLAH mengkuduskan rohnya dan mencahayai pusaranya-

di kotanya.... Konya.... di Turki.

Di dalam zawiyahnya... di sanalah pusara beliau -semoga ALLAH meredhoinya dan mencapaikan keredhoan buatnya-.

Semua orang datang menziarahinya dari semua bangsa dan semua agama...

...dengan iringin muzik serunai... bunyi serunai yang indah dan digemari oleh Syeikh Jalaluddin.

Di dalam... Sidna mengujar : Kenapa mereka lakukan seperti ini... zawiyah ini sepenuhnya bertukar menjadi muzium.

Insya ALLAH di tengah-tengah ini mereka akan buat musolla... untuk solat dan zikir.

Setahun selepas itu aku datang berziarah kepada Maulana... aku pun masuk... ke zawiyah ini yang tak perlu bayar tiket... maksudku muzium...

...lalu aku mendapati seperti yang telah diisyaratkan oleh Sidna As-Syeikh... mereka telahh menukar ruang tengah zawiyah... menjadi musolla dengan permaidani yang amat mewah... aku jadi takjub.

Seperti yang dikehendaki oleh para junjungan kita... untuk berlaku... lalu berlaku.

Membuka & Melerai Programming -1

30 Julai 2015

Membuka dan Melerai Programming*

**(ertinya membuang program lama dan mengganti dengan program baru. Mengeluarkan manusia yang terprogram sekian lama dengan kecelaruan kepada fitrah kebaikan dan kesolehan. Bukan membantai memusnah dan menghancurkan).*

Bagaimana caranya untuk kita merawat (orang yang sudah) di"brain wash" otak dan akalnya dengan tsunami pemikiran syaitan.

Tsunami pemikiran = merosak, meroboh, meratah dan melantak segala yang ada dihadapannya baik yang hijau maupun yang kering… tak pilih bulu antara yang hidup dan mati… yang cantik dan buruk… yang berfaedah dan mudarat semuanya dirembat.

Demikian juga saya maksudkan… fikiran dan

kepercayaan yang dilonggok dan dilatih tubi selama bertahun-tahun dalam akal manusia yang kuat dan lemah… dengan objektif dan tujuan yang terancang… atau dalam bentuk rawak dan natural.

Contoh :

Malam semalam saya melawat keluarga kawan… di sana saya bertemu seorang perempuan dewasa… kesedihan, tangisan dan ketakutan menyelubunginya.

Mulanya saya amat berbelah bagi untuk membicarakan topik ini yang sensitif bagi sebahagian orang...

...namun penzaliman besar yang berulang kali berlaku kepada perempuan ini dan kepada ramian lagi orang lain...

...telah memaksa saya menulis demi menzahirkan yang benar, mengembalikan hak dan menghentikan penzaliman.

Sekali lagi saya berbelah bagi… patutkan saya menyebut nama-nama dan dengan bukti-buktinya sekali,

....dengan terang-terangan saja… atau hanya dengan frasa sindiran.

Maka tulisan saya pada hari ini pendorong utamanya adalah… menghilangkan penzaliman dari mereka yang dizalimi dalam satu kelompok kecil dari

masyarakat insan Muslim yang baik.

Perempuan itu bercerita kepada saya :

bahwa dirinya sebelum ini berada di Perancis lebih dua tahun bersama suami dan seorang anak perempuannya… untuk menjalankan aktiviti jemaah mereka, yang mereka istilahkan itu sebagai perjuangan Islam.

Pada tarikh 3 Mei 2015… suaminya berkata saya ceraikan kamu tanpa rujuk.

Ini adalah arahan dari ketua jemaah kita (di sini) yang mendapat arahan dari pemimpin (seorang wanita) jemaah kita...

...sebab kamu diceraikan ialah pemimpin jemaah kita (wanita itu)… jumpa Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم...

...lalu Nabi menyuruhnya menjalankan arahan ini, si fulanah hendaklah ditalak oleh suaminya si polan.

Wallahi ketika saya (penulis) mendengar perkara ini… darah di kepala saya menggelegak dan tekanannya melonjak naik hingga ke langit kerana sebab-sebab berikut:

1-Dusta yang terang benderang atas nama Saiyidina wa Maulana Rasulullah صلى الله عليه وسلم… yang dilakukan oleh wanita pemimpin itu untuk menyokong segala keputusan zalim dan inayanya… ini adalah pembohongan dan pura-pura dari semua sudut dan arahnya.

Kerana saya sejak bertahun-tahun kenal dengan wanita pemimpin itu, saya tahu segala perkara tentangnya… mukanya gelap… hatinya rosak… fikirannya menghisap darah orang-orang lemah… bicaranya bicara syaitan… dia tak punya janji dan setia… menipu, mengambil kesempatan, seronok menyiksa lelaki dan perempuan dalam jemaah yang diwarisi dari almarhum suaminya… Almarhum suami pula ada kes yang amat besar namun bukan di sini tempat membicarakannya… kerana Sidnan Nabi صلى الله عليه وسلم bersabda dalam hadis:

اذكروا محاسن موتاكم

> ***"Sebutkanlah kebaikan orang yang telah mati dari kalanganmu"***

… jika kamu dapati dia punya kebaikan.

2-Tidak berhak bagi seorang syeikh lelaki atau syeikhah (syeikh perempuan), qadhi, hakim atau peguam… tidak… tidak … tidak… tidak… dan tidak ada siapa pun yang berhak menceraikan seorang perempuan dari suaminya.

Hanya suami sahaja yang punya hak mutlak untuk itu… akan tetapi wajiblah talak itu dijatuhkan dengan bersebab dan beralasan.

3-Kemudian perempuan ini telah dibuang keluar dari jemaah itu dan dihantar pulang seorang diri dari Perancis tanpa anak perempuannya yang masih kanak-kanak.

4-Pada pagi yang sama dia dihantar pulang, pihak jemaah di Malaysia telah menculik seorang lagi anak lelaki/perempuannya di depan rumah ibu ayahnya di Terengganu.

Perempuan ini adalah seorang doktor di bidang bius… dia telah dipaksa berhenti kerja… dan disuruh mengikut program jemaah yang dinamakan sebagai perjuangan.

Merela telah menghancur lebur segala yang ada pada perempuan ini… mereka buat ibu ayahnya merana… kasihan, orang-orang susah itu hanya dapat menangis siang malam.

Doktor bius ini pula takut nak melapor kepada polis… kerana jemaah mengancam sekiranya dia mengadu atau buat bising dia takkan dapat ketiga-tiga anaknya.

Yang aneh dan pedih pada cerita ini adalah…

Si doktor masih tetap sayang dan merindui jemaahnya, masih cinta pada sang pemimpin pengasas jemaahnya… kata doktor memang benar pengasas jemaah telah meninggal dunia dan sudah dikebumikan… tapi dia hidup kembali… dia masih memimpin jemaahnya

sampai sekarang.

Doktor ini seolah-olah telah membunuh saya (penulis) kerana kebodohannya yang sampai ke tahap ini.

Apa ni…. Apa itu… Apa tu?????

Saya mohon tuan-puan semua bantulah saya untuk kita membantu perempuan ini… tuan-puan semua bersuaralah dengan kuat, biar semua orang dengar, berteriaklah kuat-kuat… untuk merungkai programming ini yang amat merbahaya dan menguasai orang-orang ini hingga mereka menjadi hamba abdi kepada jemaah itu.

Jemaah dapat melakukan apa saja kepada mereka… mereka menjadi hamba abdi walaupun zaman perhambaan sudah tamat… manusia diperhambakan kepada saudara manusianya.

Saya mohon tuan-puan tolonglah diri masing-masing… dan tolonglah orang lain juga

dengan cara keluar dari tipu daya jin, sihir dan syaitan. *Inna lillahi wainna ilaihi roji`un*.

Makna Dari Dalam Makna-1

20 Julai 2015

Mengapa kita tidak terkesan… dan tidak memberi kesan
Mengapa mereka yang mengubah kita… kenapa kita tidak mengubah mereka

Mengapa kita dapat menerima mereka… kenapa mereka tidak menerima kita.

Makna Dari Dalam Makna-2

20 Julai 2015

Mengapa kita menerima perubahan pantas yang berlaku sejak 40 tahun dan masih terus berlaku...

...kita tidak kembali rujuk kepada yang sebelum perubahan itu… kita tidak membuat perbandingan… untuk mengetahu dan mengenal banyak hakikat dan realiti sebenar.

Contohnya :

Takbir sebelum solat hari raya.

Sekarang sudah tidak ada lagi dalam takbir raya itu selawat dan salam ke hadrat Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم...

sedangkan kalau takbir raya di zaman dahulu… selawat dan salamnya banyak dan lebat....

bahkan di banyak masjid merata dunia dibacakan rangkap-rangkap qasidah Burdah atau dibaca

keseluruhannya… bahkan ada juga yang membaca Maulid Barzanji dan maulid-maulid lain.

Saya mohon tuan-puan untuk memerhatikan dengan hati terbuka… dan tanyalah kepada orang tua masing-masing tentang perubahan yang berlaku ini...

...akibat dari perasaan yang kematu… hati yang mati… serta dusta keatas ALLAH Azza wa Jalla dan RasulNya Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم

Kalam ini sering saya dengar waktu saya masih anak kecil:

1- Apabila kita meninggalkan satu sunnah … ALLAH akan mencabut sunnah itu … dan menggantinya dengan satu bid'ah.

Adapun sunnah itu sifatnya membesar, tumbuh dan membina… manakala bid'ah pula sifatnya memecah, memusnah dan meroboh.

Maka silakanlah melihat dengan jujurnya apa hal kita sekarang.

2-Apabila kita meninggalkan yang halal … dan kita mengerjakan yang haram… kita jadikan ia halal… atau kita tidak kuat untuk membahtahnya… kerana takut dengan makhluk yang macam kita juga...

nescaya iman dan Islam pun dicabut dari hati kita …. -kita berlindung dengan ALLAH dari yang demikian-...

dan itu boleh sampai memasukkan kita ke dalam

golongan yang terlaknat… wal`iyadzubillah.

Inilah yang sedang kita saksikan dengan banyaknya sekarang di planet bumi kita… bagi siapa yang mahu ???

Ya Robbi kami pohon rahmatMu… rahmatMu… rahmatMu.

Makna Dari Dalam Makna-3

20 Julai 2015

Cukuplah… sudah tamat masa fahaman beku… dan masa golongan fanatik terhadap pemikiran mereka yang sakit dan mematikan.

Cukuplah… sudah tamat masamu wahai golongan pemundur agama… Agama Tuhan kita menerima semua golongan.

Cukuplah… sudah tamat masamu wahai kaum pemecah belah jamaah Muslimin… wahai kaum pendamping nonmuslimin.

Cukuplah… sudah tamat masamu wahai kumpulan garis keras, taksub dan agen pihak jahat dan perosak.

Marhaban, marhaban dan marhaban… kepada semua yang sederhana, para pecinta kemanusiaan dan yang menyayangi seluruh makhluk.

Marhaban (selamat datang) untuk menyebar mahabbah, kerjasama, sempurna menyempurnakan

dan hormat menghormati demi membina insan sempurna.

Di zaman sekarang… zaman sunami yang merobohkan

Yang pertama… pertama… pertama… kita mahu kemanusiaan… kita mahu manusia ini kembali… menjadi insan.

Selepas itu (kita mahu dia menjadi insan)… pada akhlaknya… pada adabnya… pada interaksinya… dan pada hubungannya dengan semua manusia.

Marhaban untuk kebaikan dan ahlinya.

Marhaban untuk cinta, mahabbah dan ahlinya.

Marhaban bagi insan dalam kemanusiaannya, fitrahnya dan tabi`atnya.

Makna Dari Dalam Makna-4

20 Julai 2015

Kepada ahli Tasawuf Islami yang soheh, jelas, murni, terang dan mustaqim dikatakan :
"Tuan-tuan ceraikanlah politik talak tiga..."

ertinya langsung tidak bicara tentang politik...

ertinya haram berkecimpung dalam urusan-urusan politik ...

ertinya lari dengan sepenuh pengertian lari dari politik dan ahlinya.

Lalu dengan itu tidakkah suatu rahmat, simpati dan kasih sayang juga apabila sebaliknya kepada ahli politik dikatakan :

> *"Tuan-tuan ceraikanlah ahli Tasawuf Islami dari Ahlis Sunnah Wal Jamaah dengan talak tiga".*

Ertinya belajarlah dan ambillah (kebaikan) dari mereka kerana mereka tidak mahu kerusi dan pangkat tuan-tuan

ertinya berilah sokongan dan pertolongan kepada mereka walau pun dengan sekadar diam ...

ertinya ambillah berkat dengan mereka… supaya daulat kerajaan, kepresidenan dan kekuasaan tuan-tuan tegak berdiri.

Saya mohon tuan-puan membaca sejarah baik-baik… khususnya mengenai bagaimana bentuk hubungan antara ahli Tasawuf dengan para penguasa...

nescaya tuan-tuan dapat mengetahui hakikat perubahan (kemunduruan) ke alam-alam rendah dan kerendahan...

sedangkan dahulunya kita ini berkurun-kurun lamanya mendaki alam-alam tinggi dan ketinggian.

Makna Dari Dalam Makna-5

20 Julai 2015

Amat penting untuk kita mengetahui dan mengenali apa realiti masakini kita.

Apabila dirimu berada di posisi hadapan engkau dapat memberi arahan dan semua yang lain menurut serta mengikutmu hatta walau tanpa menyedari dirinya pengikutmu.

Adapun bilamana kita berada di garis belakang dan berkedudukan selepas semua orang lain -kalau ada orang lain di situ- ...

maka wajiblah disitu untuk kita mengetahui elok-elok apa saiz kita… wajib kita membina kemanusiaan kita terlebih dahulu, kemanusiaan yang kita telah kehilangannya dan orang lain turut kehilangannya.

Wajib kita berfikir sekarang sebelum (bicara) tentang Islam kita… apakah masih ada lagi dalam diri kita saki-baki kemanusiaan?!

Semua orang sudah hilang kemanusiaan.

Saya mohon kepada tuan-puan masing-masing kita silakanlah mengulangkaji semula prinsip-prinsip kemanusiaan sebelum nak membicarakan apa-apa topik lain.

Kita telah hilang kemanusiaan kita… kita telah kehilangan dara anak-anak perempuan dan wanita-wanita kita… kita telah rugi… dan kita terus kerugian nyawa dan darah kita.

Ini bukan hanya khas untuk kaum Muslimin… ini adalah seruan buat semua yang hidup di buana yang bernama BUMI ini.

Kembalilah semula kepada kemanusiaan… padanya ada segala kebaikan untuk tamadun insan anak keturunan Saiyidina Adam.

Kenanglah fitrah kemanusiaan yang ada pada semua bangsa di bumi… nescaya engkau akan mempelajari terlalu banyak perkara darinya.

Makna Dari Dalam Makna-6

20 Julai 2015

Saya ada mendengar kalangan awliya solihin berkata :
Dengan sebab wujudnya berbagai universiti dan kolej swasta dan umum… dengan sebab wujudnya dewan-dewan kuliah yang serba mewah...

maka dengan itu semua sudah sepatutnya bahawa di tempat-tempat itulah diadakan berbagai ceramah, kuliah, simposium, diskusi dan persidangan

Ini merupakan bahagian dari fiqh zaman sekarang.

Adapun ruang Masjid Haram Madinah yang mulia dan Masjid Haram Makkah yang agung maka wajiblah kedua tempat suci ini hanya untuk ibadat dan ketaatan seperti solat, zikir, tawaf, sa`ie, menghafaz Al-Quran, tilawah dan selawat salam keatas Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم...

dan itu semua dikerjakan tanpa mengeraskan suara…

(dengan tenang dan sopan) bagai tiada siapa di situ.

Masing-masing sibuk dengan wiridnya, dengan solatnya, dengan tilawahnya, dengan tafakkurnya dan dengan renungannya.

Saya mohon tuan puan, takzimlah kepada Dua Tanah Suci yang mulia, berikanlah kedua Tanah Suci ini hak kemuliaannya dari ketenangan, kesopanan dan keamanan.

Demikan jua...

Allahumma Robbana Insya ALLAH demikianlah hendaknya jua Masjid Haram Al-Aqso yang mulia… yang hilang dan dalam kepungan.

Makna Dari Dalam Makna-7

20 Julai 2015

Bukanlah dari keadilan manusiawi… juga bukan dari rahmat agama Islam
apabila kaum Muslimin mengkafirkan … kaum Muslimin....

apabila kaum Muslimin membunuh … kaum Muslimin .

Apabila kaum Muslimin mengasari, mencaci maki … kaum Muslimin, tapi dalam masa yang sama mereka bertolak ansur pula dengan nonmuslimin.

Inilah ciri-ciri puak Khawarij … dan merekalah puak Khawalif (pemundur agama) yang telah dibongkar oleh ALLAH Taala dalam Al-Quranul Karim.

Sepatutnya dan sewajibnya seorang Muslim itu beragama tulus hanya bagi ALLAH semata-mata… di mana saja dia menjadi representative kemanusiaan sebelum dirinya menjadi representative Islam.

Kemanusiaan itulah yang membawamu kepada Islam.

Ini ekuasinya : Tiap orang Muslim wajib mempunyai ciri-ciri kemanusiaan… dan tidak wajib bagi setiap orang untuk menjadi Muslim.

Jika dirimu tidak memiliki sifat-sifat kemanusiaan … itu bererti Islam adalah terlalu jauh darimu, jauh sejauh-jauhnya.

Sudah sepatutnya kaum Muslimin itu bersikap tolak ansur, kasih sayang, simpati dan berbudi dengan semua orang, dengan Muslimin dan nonmuslimin...

dengan tiap manusia

dengan semua makhluk.

Dan inilah dia dakwah Islam, Imam dan Ihsan yang hakiki, yang berlaku sepanjang sejarah seperti yang disaksikan oleh tiap yang punya akal sejahtera dan berhati bersih dikalangan penduduk planet bumi ini.

Masalah super besar dan yang besarnya … ialah pihak lain = nonmuslimin

tak dapat menerima kaum Muslimin.

Dari sinilah timbul berbagai fitnah pancaroba, rangkaian masalah dan perang sengketa.

…Saya mohon pada semua, fahamilah gambaran soheh ini sepertimana adanya ia

bukan dengan gambaran terbalik dan keliru seperti yang digambarkan oleh golongan kegelapan, para perosak dan askar-askar upahan yang tidak tahu suatu

apa pun mengenai kemanusiaan, yang mereka tahu hanya manusia menzalimi saudara manusianya sendiri.

Sebabnya adalah kerana dirimu dan diri mereka dibawah pengaruh dua faktor yang amat kuat ini:

Takut Makhluk = takut kepada manusia, atau...

Takut Rezeki = takut putus sumber pendapatan, hilang berbagai gaji dan hadiah, terjejas akaun-akaun bank yang besar-besar.

Makna Dari Dalam Makna-8

23 Julai 2015

وَأَنَّ إِلَى رَبِّكَ الْمُنْتَهَى

"Dan bahawa sesungguhnya kepadaTuhanmu lah (tujuan sebenar lagi) penghabisan".

(ertinya tujuan dari hidup kita para hambaNya adalah tidak lain dari DIA)...

kata-kata ini merupakan satu ayat dari kitab ALLAH yang agung dalam Surah An-Najm : 42.

Telah banyak ku dengar dari Sidna Syeikh Abdun Nasir رضي الله عنه ونفعنا به... tentang Surah An-Najm...

ia merupakan surah yang istimewa dan amat istimewa mengenai hadrat Saiyidina wa maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم.

Diantara makna ayat yang agung ini... dan

sememangnya tiap ayat Al-Quran adalah agung, adalah mulia dan adalah zikrullah...

…bahawa tidak boleh tidak mesti ada satu jalan dan berbagai jalan menuju ALLAH Robbul Alamin

…dan bahawa (kita para hamba ALLAH ini) dapat wushul (sampai) ke hadrat Robbul `Izzati wal Jalal tanpa dapat disifatkan bagaimana keadaan sampai itu, tidak dapat dimisalkan dan tidak dan tidak dan tidak…

Hakikat ini merupakan antara sebesar-besar dalil tentang wujudnya :

Murid penuju ALLAH

Kembara penuju ALLAH

Penempuh jalan menuju ALLAH...

agar sang abdi dapat sampai kepada Tuan Pemiliknya, kepada Tuhannya, kepada Maha Penciptanya ALLAH Subhanahu wa Taala dengan jalan dan kaifiat yang ALLAH mahu semata-mata.

Dari titik tolak inilah ada wujudnya… kemudian zahirnya jalan tareqat sufi Islam dalam aliran Ahlis Sunnah Waljamaah.

Makna Dari Dalam Makna-9

23 Julai 2015

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِن مُّدَّكِرٍ

"Dan sesunggunya kami telah mempermudahkan Al-Quran ini untuk diingati (zikir) maka adakah orang yang mengambil pelajaran?!"

Ayat ini adalah agung dan semua ayat Al-Quranul Azhim Al-Jalil adalah agungdan merupakan zikrullah.

Ayat ini diulang 4 kali dalam satu surah Al-Quranul Karim… Surah Al-Qamar...

dan aku telah banyak mendengar dari Sidna Syeikh Al-Kamil Abdun Nasir رضي الله عنه ونفعنا به…

bahawa Al-Quranul Karim itu turun ke hati Saiyidina wa maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم yang suci lagi disucikan…kemudian lisan Baginda yang suci lagi

disucikan pun telah menuturkan Al-Quran.

Maka dengan itu jadilah Al-Quranul Karim mudah lagi disenangkan bagi siapa yang diberi taufik oleh ALLAH untuk membacanya, menghafaznya, memahaminya, mensyarahkannya dan mentafsirkannya.

Ertinya semua itu dengan keberkatan Baginda صلى الله عليه وسلم...

dan kalau bukan kerana ini…nescaya Al-Quran itu menjadi payah dan terlalu amat payahnya.

Inilah dia asal dari segala usul.

Sesudah itu kita kembali kepada kepada ayat mulia dan suci ini… mengapa ia diulang… dan diulang sampai empat kali?

Mengapa itu berlaku dalam satu surah yang sama… mengapa pengulangan itu tidak dalam beberapa surah?

Mengapa ayat dan pengulangan ini dalam Surah Al-Qamar… bukan di surah-surah lain?

Bererti "Sesungguhnya kami telah mempermudahkan Al-Quranul Karim… hanya bagi ahli zikir sahaja".

Kerana Al-Quranul Karim adalah kerajaan ahli zikir… mereka menyelaminya dan mengeluarkan darinya pemata-permata ajaib, aneh, dekat dan jauh.

Mengapa kurniaan ini hanya untuk ahli zikir?...

Kerana penghulu dan sanad mereka adalah junjungan Rasul termegah dan Baginda Nabi paling agung Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم yang Baginda itu

Empunya Syafaat صلى الله عليه وسلم

Empunya Wasilah صلى الله عليه وسلم

Empunya Inayah صلى الله عليه وسلم.

Makna Dari Dalam Makna-10

24 Julai 2015

Aku telah mendengar ucapan syeikh yang kamil; junjungan kami, murobbi roh dan jasad kami serta segala yang ada dalam diri kami, peribadi syarif dari titihan Saiyidina Hasan, guruku As-Syeikh Abdun Nasir, As-Syazili tareqatnya, Al-Jazair tanah watannya, Setif kampung halamannya -semoga ALLAH meredhoinya dan mengurniai kita kemanfaatannya-... bahawa inilah dia permata dan intipati yang dapat menyelesai segala permasalahan, salah faham dan buruk sangka terhadap para junjungan sufi Islami dari Ahlis Sunnah Waljamaah.

Saya mohon tuan-puan semua untuk memahaminya agar kalian jadi senang hati dan terungkai segala masalahmu yang bersifat akal, kefahaman, logik dan naqli (nas wahyu). Tuan-puanku sekalian :

Bermula insan itu sedari kelahirannya… ertinya sejak dia akil baligh sempurna pancaindera… dirinya

berkeadaan ibadat menyembah nafsunya sendiri hingga hari kematiannya...

melainkan jika ALLAH mahu memberi kebaikan kepadanya… lalu dikenalkan dia kepada seorang syeikh dari kalangan masyaikh yang besar-besar kalangan ahlil wishol (yang sampai kepada ALLAH) ...

lalu syeikh itu pun mentarbiyyahnya, memurnikan jiwa raganya dan mengajarnya

Hinggalah akhirnya dia bertukar dari ibadah menyembah nafsunya… kepada ibadah menyembah Tuan Sebenarnya, Tuan Pemiliknya dan Tuhannya…. ALLAH Tuhan kita.

Jadi itulah sebenarnya objektif paling tinggi dan mulia.

Jika dirimu mampu dengan tanpa syeikhmu, mursyidmu dan murobbimu untuk ibadah semata-mata kepada ALLAH… dan tanpanya kamu tetap dapat menjadi abdi kepada ALLAH

maka dipersilakanlah.

Jika dirimu tak mampu...

maka carilah dalam tareqat-tareqat sufi Islami dari jalur Ahlus Sunnah Waljamaah siapa yang dapat membantumu untuk mencapainya.

Kemudian dari kalangan para masyaikh itu carilah syeikh yang washil (sampai) dan ma'dzun (punya

izin) untuk menyampaikan orang lain kepada hadrat Al-Haq Subhanahu wa Taala, supaya syeikh itu dapat membimbingmu di jalan menuju ALLAH… ini soal mudah yang tak tergapai… ini kesulitan yang banyak rintangan gunung-ganangnya, lembah-wadinya, musuh-lawannya dan gelombang ombaknya.

Tumpangilah bahtera ahli sanadmu… ahli kemuliaanmu...

dengan itu Insya ALLAH engkau akan sampai kepada matlamat jika dirimu mendengar dengan hatimu… bukan dengan dua cuping telingamu.

Lalu sudahkah kau memahami kataku ini wahai tuan dan puanku?

Makna Dari Dalam Makna-11

24 Julai 2015

Aku telah berziarah kalangan awliya dan solihin… aku duduk mendengar dan belajar kepada mereka kerana mereka arbabul qulub (para pemilik hati yang hidup) … dan ALLAH Robbuna itu Tuhan (yang memandang) hati… bukan kepada tubuh dan jasad lahir kita.

Makna yang halus dan agung untuk difahami.

Seorang dari kalangan mereka berkata… ucapannya itu menarik hatiku… dan sukalah aku untuk menyampaikannya kepadamu duhai tuan dan puanku:

Di zaman sekarang… masa akhir zaman

zaman Islam hanya tinggal namanya

zaman Al-Quran hanya tinggal tulisannya

secara ringkasan… dan amat ringkasnya

kita mahukan syeikh yang kamil mukammil

(sempurna lagi menyempurnakan)… syeikh yang washil muwashsil (sampai lagi menyampaikan) ke hadrat ALLAH Al-Haq Al-Mubin

demi untuk 1- menghidupkan sanubari kita… 2- membangunkan hati kecil kita… 3- membuka mata kita… 4- dan membersihkan akal kita...

(inilah empat perkara yang kita mahukan di zaman sekarang).

Lain dari syeikh yang begitu, tidak kiralah apa nama, pangkat, kedudukan, kerjaya dan ciri… semuanya tidak memberi faedah, membuang masa, membuang usaha dan membuang harta.

Tak dapat memberi apa yang kita mahu… demi untuk sampai ke maqam `ubudiyyah, bahkan maqam `ubudiyyah yang sejujurnya dihadrat ALLAH Al-Malik Al-Wahid Al-Ahad Al-Qahhar Al-`Aliy Al-A'la Al-Wahhab.

…Sememangnya mereka -para awliya dan solihin- adalah para perisik yang menilik hati...

sepertimana kita warga planet bumi mengadakan special branch di merata tempat dan masa.

Allahumma Robbana rahmatilah kami… Engkaulah ya ALLAH yang Maha Merahmati dari segala yang lain.

Makna Dari Dalam Makna-12

24 Julai 2015

Pernah aku mengunjungi sebuah negeri di tanah bumi Tuhan yang luas terbentang...
lalu ALLAH memuliakanku dapat menziarahi seorang wali di situ dan beliau dari kalangan ahli khofa' (tersembunyi/tak dikenal orang)...

ertinya beliau tidak mahu menonjol diri, tidak mahu kemasyhuran dan pangkat.

Yang beliau mahu adalah ALLAH… tidak mahu yang lain dariNya.

Banyaklah yang beliau bicarakan dan semua bicaranya berfaedah dan bermanfaat.

Aku pun bertanya kepadanya tentang seorang pendakwah Islam popular… terkenal di persada antarabangsa

فقال : يعرفه حق المعرفة ... هو ... وأمثاله .... مثل الطبل

Jawab beliau : "Aku kenal benar dia ini… dia… dan orang-orang sepertinya… ibarat gendang

gendang dan rebana… memberimu bunyi dan iramanya… berbagai lagu...

tapi ia kosong di dalamnya...

dia tak memberi faedah kepada diri sendiri… lalu bagaimana dapat dia memberi faedah kepada orang lain.

Masyarakat manusia pula sudah menjadi tabiat dan sifat mereka… suka nyanyi-nyanyian… suka permainan berirama".

Kata beliau lagi : "Jika dia tak memiliki suatu barang maka bagaimana dapat dia memberi barang itu kepada orang lain… dia hanya mempermainkanmu… kerana nafsunya mempermainkan dirinya".

Makna Dari Dalam Makna-13

24 Julai 2015

وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَعْمَالُهُمْ كَسَرَابٍ بِقِيعَةٍ يَحْسَبُهُ الظَّمْآنُ مَاءً حَتَّى إِذَا جَاءَهُ لَمْ يَجِدْهُ شَيْئًا

"Dan orang-orang kafir itu amal pekerjaan mereka bagai fatamorgana, orang kehausan mengiranya air, hinggalah apabila dia mendatanginya dia tak mendapati apa-apa".

Ayat suci yang mulia ini dalam Surah An-Nur... dan tahukah engkau apa Surah An-Nur itu... Surah yang menuturkan satu sifat dari sifat-sifat Nabi Pembawa Rahmat… Pensyafaat Ummat… Penyingkap Duka Lara, Baginda junjungan Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم… = An-Nur (Cahaya), satu cahaya dari gugusan cahaya Robbana… satu antara gugusan cahayaNya yang membawa seagung-agung faedah kepada kita ummat yang

dirahmati… Nur Saiyidina Baginda Nabi صلى الله عليه وسلم.

Satu dari surah-surah penting dalam uzlah dan khalwah...

bagi murid penuntut ALLAH

bagi kelana di jalan ALLAH

bagi penempuh jalan Akhirat

...yang akan membantu sang kembara untuk memahami programnya di jalan menuju ALLAH.

Sekarang kita kembali kepada ayat suci tadi :

Telah ku dengar dari As-Syeikh Al-Kamil yang menghimpun pada dirinya syariat dan hakikat, Sidna Abdun Nasir As-Syazili رضي الله عنه ونفعنا به bahawa...

ayat ini mempunyai makna yang amat banyak… setiap suku dari ayat ini ada makna didalam maknanya...

namun di sini saya hanya akan menyentuh 3 dari segala maknanya:

1-Siapa saja yang kufur (membantah, menentang…) atau merendahkan, atau memperkecilkan, atau menyindir, atau memperli hadrat Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم … orang ini tidak kira berapa ibadat yang dilakukannya, tak kira berapa amal baik dan solehnya… itu semua bagai dia tidak mempersembahkan apa-apa… dia sangka dirinya sudah beramal, beramal dan beramal… tetapi yang sebenarnya ia tidak makbul… ertinya dia seolah-olah

tidak beramal satu apa pun.

2-Satu lagi makna… bak kata pepatah : “ليس بعد الكفر ذنب” (Kalau dah kafir, nak berkira dosa apa lagi), ertinya orang kafir itu… kafir… lalu bagaimana kita menuntutnya untuk ibadat dan taat… dah dia tu kan kafir.

3-Satu lagi makna… kita mengira bahawa ustaz ini, atau syeikh itu, atau ahli hadis ini, atau ahli tafsir itu, atau ahli feqah ini dan yang lain-lain… kita sangka mereka jurudakwah yang jujur lagi terbit dakwah itu dari lubuk hati mereka… seperti yang mereka sampaikan dalam kitab-kitab mereka, dalam majlis-majlis mereka atau dalam kuliah-kuliah mereka...

tapi pabila kita mendekati mereka… kita jadi amat kecewa… kerana melihat, menyaksikan dan mengalami sendiri hakikat yang pahit lagi menyakitkan… kerana mereka sebenarnya kosong… mereka tak punya apa-apa isi dari dakwah yang mereka seru masyarakat kepadanya.

Ya Robbi… ya Robbi… ya Robbi… ya Robbana… tunjukkanlah kami yang benar bersama ahlinya… dan rezekikan kami menerimanya dan mengikutinya

Allahumma amin ya Robbal `Alamin.

Makna Dari Dalam Makna-14

29 Julai 2015

Pada satu hari aku bertanya Sidna Syeikh Abdun Nasir رضي الله عنه ونفعنا به:

Kenapa tarbiyyah dari syeikh itu amat payah lagi amat susah (untuk diterima)?

Lagi sudah ku dengar dari junjunganmu Tuan bahawa siapa yang mahu dan sanggup menerima tarbiyyah ibarat orang yang menyerahkan diri ke tali gantung.

Kepedihan… takut… tangisan… sakit… tanggungan berat… keberanian… dan berbagai lagi perasaan.

Dan seperti yang sudah ku dengar darimu yang termulia bahawa siapa dikalangan murid yang terus-menerus istiqamah mengerjakan zikir, ibadat dan taat itu ibarat orang yang memanjat langit dengan tangga

Dia langsung tidak melihat (ada nilai) pada dirinya dan pada amal solehnya… dia takut terjatuh dan terhalau…

kehendaknya menyala… cahayanya membakar, sayap sebelah kanannya …syariat… kerinduan… dan takut...

sayap sebelah kirinya… tareqat… mahabbah … dan harap.

Hadrat Sidna Syeikh pun membalas pertanyaanku… dengan jawaban panjang… dengan perincian yang ajaib… dengan berbagai sirr yang bermanfaat… dengan nafahat yang menyeronok dan menyegarkan roh… dengan logik yang lazat lagi mengetuk hati, logik yang masuk lalu mendekam didalam hati tanpa disedari.

Allahumma bagiMu segala pujian.

Point yang suka saya nak kongsikan bersama ialah :

Apabila kita nak membina bangunan tinggi dan besar… atau tower, atau pencakar langit...

yang pertama semestinya kita punya tanah lahan dan menguji kekuatan tanah yang nak diletak diatasnya tanggungan besar ini....

kemudian yang terlebih penting dari semua itu… asa-asas binaan… maksud saya bahan-bahan dasarnya wajiblah teguh dan kuat serta menggunakan besi baja yang paling bagus, simen terbaik dan teknologi… dengan kuantitinya yang banyak dan sesuai… agar tower ini keseluruhannya dapat mantap berdiri… bangunannya… makin kuat asas-asas pada tingkat dasarnya… nescaya bangunan itu pada tingkat-tingkat seterusnya jadi mudah dan lebih mudah.

Demikinalah bagi seorang murid penuju ALLAH bersama syeikhnya… wajib baginya meletak asas binaannya dan menguatkannya sedari asas-asas dan sejak titik mulanya...

hinggalah nanti apabila dia mula membangun… tingkat-tingkat yang lebih tinggi...

kata-kata para pengejek dan penghasad dengki takkan dapat menggoyahkannya… ribut petir dari tsunami pemikiran yang membadai dan menghempas apa saja serta menelan segala yang manfaat dan mudharat pun tak dapat menggoncangnya… taufan jijik berbagai program audio video beracun pun tak dapat mengapa-apakannya… gempa dari aqidah mudharat yang menyeleweng dan membakar pun begitu jua.

Berikutnya adalah beberapa langkah -sebagai contoh saja… bukannya lengkap semua…- kerana ilmu yang Maha Alim, Khobir, Lathir dan kurnia dariNya adalah luas tak bertepian lagi mengandung segala yang keseluruhan dan perincian meliputi semua makhluk ciptaan yang diketahui dan tidak diketahui:

1-Si murid sanggup menanggung tarbiyyah… dengan sama sekali tidak ponteng majlis Syeikh… semampu yang boleh.

2-Menerima dan sudi menerima dengan lapang dada… dan terus mula melaksanakan tanpa menangguh atau melambatkan.

3-Kemudian dia akan mendapati kelazatan dari tarbiyyah jika dia mula mengikut

4-Selepas itu dia kehausan dan kelaparan tarbiyyah

5-Dia tidak merasa kelazatan hidupnya dari semua sudutnya jika tanpa tarbiyyah dari syeikhnya

6-maka dengan itu jadilah dia orang dagang/asing dalam rumah dan ditengah keluarganya sendiri...

dan disinilah permulaan bagi seorang murid sejati dalam tawajjuh menuju ALLAH Al-Haq, Al-Kholiq Robbul `Alamin.

Makna Dari Dalam Makna-15

29 Julai 2015

Antara ciri kepala-kepala fitnah di tiap zaman ialah… golongan ini bikin manusia jadi sibuk membantah isu-isu mereka yang sifatnya sampingan atau topik-topik yang sifatnya sensitif.

Maknanya mereka sentiasa menimbulkan perkara-perkara yang tak memberi faedah kepada umat Islam… bahkan yang memudharatkan kesatuan dan keutuhan umat, atau mereka mengutarakan soal-soal furu' yang sepele tanpa penjelasan dan tanpa penerangan yang jelas.

Itu telah menjadi punca penyelewengan dan sikap keras yang berlaku dikalangan awam orang Islam.

Golongan penimbul fitnah ini menggunakan pangkat kedudukan semasa mereka…

kerana realiti yang amat malang adalah… para awam Muslimin sangat terpengaruh benar...

dengan jawatan dan kerusi yang sedang diduduki oleh jurubicara ini atau wanita petah itu.

Contohnya isu berikut:

Tidak boleh menjalankan akad nikah dan perkahwinan di masjid...

kerana itu meniru-niru perbuatan nonmuslimin di kuil, gereja dan tokong mereka…

Subhanallah… Masya ALLAH… Wala hawla wala quwwata illa billahil `aliyyil `azhim.

Lihatlah kepada bangangnya perbandingan dan kejahilannya yang bukan biasa, tapi jenis jahil murakkab … itu dinamakannya sebagai kepahlawanan… betullah ini bahagian dari khufarat akhir zaman.

Dimanakah persamaan dan keserupaan antara ahli hak dengan ahli batil…

diantara Islam yang toleran dengan semua… dibanding dengan agama-agama lain yang masing-masing tidak menerima golongan selain dirinya.

Kenapa mereka nak menukar sibghah (warna) Islam… yang telah diwarnakan oleh ALLAH dan RasulNya صلى الله عليه وسلم.

Golongan pembangkit fitnah dan yang seumpama mereka itu adalah manusia-manusia maslub (dicabut darinya) daya untuk mengenal keagungan agama Islam yang murni, indah, sempurna, agung, bening, jelas,

sejahtera, yang semua penduduk bumi dari berbagai latar budaya dan adat dapat menerimanya, yaitu Islam yang menyeru kepada kesempurnaan insan dalam semua sudutnya.

Makna Dari Dalam Makna-16

29 Julai 2015

Dalam sebuah hadis panjang yang masyhur… Baginda Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم bicara tentang fitnah pancaroba yang ditimbulkan oleh tanduk syaitan… dalam hadis itu Baginda صلى الله عليه وسلم ada menyebut tentang :

penyakit yang tiada ubat…..

Ertinya kebencian yang amat sangat dan melampau terhadap hadrat Saiyidina wa Maulana Nabiyyullah صلى الله عليه وسلم.

Ertinya penyakit yang takkan sembuh.

Ertinya penyakit yang kena pada DNA dalam kerangka tubuh manusia… diwarisi keturunan… diwarisi oleh cucu dari ayah dan datuk.

Contoh:

Tiba-tiba saja dia -tanpa introduksi-… dan dengan

kurang adab, dengan hati yang mati, dengan nilai diri manusia yang merudum...

tiba-tiba saja dia mengkafirkan ayah bonda Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم

Saiyidina Abdullah dia kafirkan… junjungan kita As-Saiyidah Aminah dia kafirkan.

Kau tanyalah dia… Kamu siapa??... Kamu ni apa??? Mengapa kamu lakukan itu???

Macam mana pula dengan emak ayah kamu???

Macam mana pula kau boleh kata kamu yang selamat dan emak ayah kamu selamat ???? Apa dalil awak ???

Waktu masih anak kecil saya kerap mendengar para junjungan orang-orang tua kami di kota Madinah Al-Munawwarah zaman-zaman dahulu menyebut… bahawa barangsiapa yang berkata begitu… maka ketahuilah bahawa dia anak zina… bahawa dia lahir dari hubungan haram.

Wahai sang penjahat yang sesat lagi menyesatkan… apa faedah yang dapat kepada umat Islam dengan kata-katamu yang sakit itu.

Kemudian kalau betul kamu anak jantan… sibukkanlah dirimu dengan membersih keaiban dirimu… sibukkan dirimu soal keselamatan dirimu…

Kemudian bagaimanakah mungkin bahawa junjungan Saiyidina wa Maulana Muhammad berusaha

agar umatnya selamat… tapi tidak berusaha untuk kesalamatan dua ayah bondanya yang mulia.

Sesungguhnya aku telah mendengar satu hadis dari Al-Muhaddits Al-Musnid As-Syeikh Al-Fadani -moga ALLAH merahmatinya dengan rahmat yang luas- :

Bahawa pada malam Israk Mikraj … Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم melihat bondanya di tiap maqam yang Baginda صلى الله عليه وسلم mencapainya dalam perjalanan itu, Baginda melihat bondanya tersenyum dan gembira dengan kurniaan berbagai kedudukan dan martabat yang tinggi dari ALLAH kepada puteranya itu صلى الله عليه وسلم.

Allahumma Robbana demi jaah Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم dan demi kedua ayah bondanya yang mulia...

sudilah kirangan Engkau menerima kami dan menerima dari kami… dan Engkau menambahkan kami makin bergantung dan cinta kepada mereka.

Allahumma amin.

Makna Dari Dalam Makna-17

29 Julai 2015

Ini isu besar yang amat besar, dari masa kemasa asyik dibangkitkan orang… dan takkan henti-hentinya. Ia terus diungkit atas faktor bermunculannya para dajjal dan pendusta...

dari sisi lain asyik diungkitnya isu ini adalah kerana bermunculannya para ulama jahil dan jahat.

Wahai saudara, jika engkau tidak melihatnya… maka janganlah mengingkari siapa yang dapat melihatnya… dan terus melihatnya… dan dimuliakan… dan berlazat-lazat...

dapat melihat Saiyidina wa Maulana Nabi صلى الله عليه وسلم secara yaqazah (sedar/jaga) dan dalam tidur.

Tikamana banyak terjadi pendustaan, dakwa-dakwi dan mereka-reka cerita...

maka adalah harus untuk dikatakan : Bahawa Saiyidina

wa Maulana Muhammad… tak dapat dilihat/ditemui … tidak dalam jaga… dan tidak didalam tidur ...

kerana menjaga-jaga dan cemburu terhadap kesucian agama Islam… ini dari sudut menutup pintu fitnah.

Adapun dari sudut hakikat, tareqat dan syariatnya… maka sesungguhnya...

ru'ya (bermimpi melihat/bertemu) Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم adalah dari seagung-agung martabat dan bintang kebesaran yang dikurniai ALLAH kepada siapa yang asyik dan bergantungan kepada keindahan dan kesempurnaan Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم pada tiap sudut kehidupan manusia.

Akan tetapi soal ru'ya ini bukanlah suatu perkara mudah, bukan ketawa-ketawa dan bukan dengan main-main dapat dicapai martabat dan segala maqam ini.

Bahkan mencapainya itu dengan membelanjakan segala yang mahal dan berharga, dengan mengorban jiwa, harta dan anak pinak, mempersembahkan segala bentuk kerja keras dan berbagai mujahadah dalam mengerjakan berbagai-bagai ibadat, ketaatan dan zikir zahir dan batin… tentunya yang demikian itu atas kadar yang dapat dilakukan dan yang termampu untuk dikerjakan.

Maka begitulah soal ru'ya Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم secara yaqazah… adalah

dapat berlaku, harus berlaku dan benar-benar berlaku bagi orang yang ahli dan dimuliakan ALLAH untuk beroleh kemuliaan ini.

Demikian juga ru'ya Baginda صلى الله عليه وسلم dalam tidur adalah jujur dan benar… tiada pura-pura padanya dan tidak dusta.

Jika ia dapat berlaku kepada ahlinya maka bagaimana pula dengan peribadi yang dipeluk, dicium dan diberi janji oleh Baginda صلى الله عليه وسلم>

Maka dengan itu, adalah tidak dari kewarasan akal, tidak dari logik, tidak dari naql, `urf, ilmu, hikmah dan adab untuk kita :

1- Mengingkari ru'ya atas alasan ada pihak-pihak yang sakit, jahil dan dusta menyalahgunakannya.

2- Mengingkari ru'ya kerana terpengaruh/mengikut dendam dan hasad dengki pihak pendendam dan pendengki hadrat Baginda صلى الله عليه وسلم.

3-Berlakunya ru'ya adalah khas untuk ahli maqam-maqam iman dan ihsan serta tahap yang lebih tinggi dari segala maqam yang tertinggi, ia juga boleh berlaku kepada ahli maqam Islam… juga boleh berlaku kepada nonmuslimin.

4- Bicara tentang segala alam ru'ya… dan fatwa mengenainya adalah khas ditangani hanya oleh ahli zikir kalangan ulama yang amilin. Adapun lain dari mereka yang tiada makrifat mengenai negeri ini (alam ru'ya)

dan yang tak pernah melawatinya… bagaimana dapat memberi fatwa atau membicarakannya sedangkan mereka terhalang dari maqam ru'ya.

5- Ru'ya yang baik dan jujur adalah satu juzuk dari juzuk-juzuk kenabian… lalu bagaimana kamu dapat mengingkarinya???

6- Ru'ya adalah rahsia peribadi antaramu dengan hadrat Baginda صلى الله عليه وسلم… lalu bagaimana engkau bercerita dan mengkisahkan ru'ya itu tanpa izin dari Baginda صلى الله عليه وسلم.

7- Cukuplah bagi insan itu bahawa dia dusta apabila menceritakan segala yang didengari atau diketahuinya… lalu bagaimana pula dengan menceritakan ru'ya yang padanya dia melihat Al-Habib kekasihnya صلى الله عليه وسلم ????

8- Adakah orang lelaki berakal waras akan menceritakan keelokan isterinya kepada majlis ahli fasik, pembuat maksiat, pengingkar dan penjahat…. Tidak dan sama sekali dia takkan menceritakannya! Mengapa ?? Namun boleh jadi dia hanya akan menceritakan itu kepada keluarganya yang terdekat dan teman-temannya yang paling karib ???... Lalu bagaimana mahu kau sebut keelokan dan syama`il kekasih terutama lagi karib paling berharga Saiyidina wa maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم di tempat-tempat jahat lagi busuk.

9- Jika soheh engkau beroleh ru'ya… maka ia

merupakan rahsia peribadi antaramu dengan hadrat Baginda صلى الله عليه وسلم...

Kerana ini dan itulah… isu ru'ya... adalah khas untuk golongan khawas… dan golongan khawasul khawas dikalangan umat Baginda صلى الله عليه وسلم … ru'ya bukan untuk orang awam… lagi bukan untuk golongan yang lebih awam dari segala yang awam.

Boleh juga berlaku golongan awam dimuliakan ALLAH mendapat ru'ya… ini kurnia ALLAH yang diberiNya kepada siapa yang dikehendakiNya.

Adalah tidak boleh mencerita-ceritakan ru'ya… bahkan boleh sampai ke tahap haram jika engkau menceritakan ru'yamu ...

melainkan jika engkau menceritakannya kepada ahlinya, kepada orangnya dan ahli zauq.

ALLAH jua yang terlebih tinggi, lebih mengetahui dan lebih mulia.

Makna Dari Dalam Makna-18

31 Julai 2015

Satu hari aku duduk di hadrat Sidna Syeikh Abdun Nasir…

Datang soalan dari seorang penanya… apa bezanya antara masjid dengan zawiyah sufi ???

Sidna Syeikh menjawab :

Di zaman-zaman dahulu…

masjid itulah zawiyah sufi… dan zawiyah sufi itulah masjid… langsung tiada beza antara keduanya.

Adapun di zaman sekarang…

tiap zawiyah sufi adalah masjid… namun amat malangnya bukan semua masjid adalah zawiyah sufi… kerana sebab-sebab yang berikut:

Berbagai gerakan dan sekte Islam menguasai sesetengah masjid… bahkan bolehjadi menguasai semua masjid yang ada di dunia… mereka melarang

zikir… mereka mengingkari ahli zikir.

Mereka menyibukkan masyarakat dengan berbagai pengajian, pidato dan kuliah yang mematikan hati… yang mendorong kepada taksub dan mengingkari orang lain (yang tak sejalan pemikiran)… pengajian dan kuliah yang tiada padanya bau ilmu manqul, tidak juga yang ma'qul… yang tiada padanya rasa ilmu-ilmu riwayah dan diroyah… yan gtiada padanya minuman adab dan taqwa… Inna lillahi wainna ilaihi roji'un.

Fenomena ini dapat disaksikan di Dua Tanah Haram yang mulia dan di semua masjid di dunia.

Sedangkan Robbana berfirman dalam kitab sucinya pada Surah Al-Hajj ayat 40:

وَمَسَاجِدُ يُذْكَرُ فِيهَا اسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا

"Dan masjid-masjid yang padanya dizikirkan nama ALLAH dengan banyaknya"

Ertinya masjid-masjid yang di dalamnya zikrullah adalah warna utamanya… dan dengan banyak yang sebanyak-banyaknya.

Namun ciri ini tidak terdapat di masjid-masjid kerana banyak sebab.

Maka jadinya masjid-masjid yang disebut dalam ayat ini (dipenuhi cirinya) oleh zawiyah-zawiyah… kerana padanya ada ahli zikir yang berzikir mengingati

ALLAH dengan zikir yang banyak, banyak, banyak dan banyak.

Sidna Syeikh berkata lagi : Jadi sekarang di zaman ini… yang merupakan zaman akhir zaman...

paling jauh yang dapat dilakukan oleh masjid ialah membawa kamu kepada… maqam Islam.

Adapun zawiyah-zawiyah sufi yang soheh, yang murni, yang menjaga batas-batas syariat… yang tanpa melampau dan tanpa mengurangi akan dapat membawamu kepada… maqam Islam… maqam Iman… dan maqam Ihsan… jika yang demikian itu sudah ditakdirkan untukmu oleh ALLAH Al-Fattah Al-Wahhab.

Maka dengan itu, membina zawiyah bagi ahli zikir… adalah pentingd an amat penting di zaman ini… deni untuk menghidupkan hati… untuk menyedarkan sanubari… menghidup kembali fitrah insani… dan inilah yang kita perlukan di zaman kita.

Ia hanya ada di zawiyah-zawiyah sufi yang soheh… bukan di masjid-masjid.

Satu lagi perkara… dalam hadis yang masyhur disebut sabda Baginda :

من بني مسجد .. بني الله له بيتا في الجنة

“Barangsiapa membina sebuah masjid… nescaya

***ALLAH membina baginya sebuah rumah di syurga*”**

Ini dalam perkara membina masjid...

lalu bagaimana pula dengan membina zawiyah…

dan bagaimana pula dengan orang yang menggalak dan membina zawiyah demi zawiyah… maka baginya ganjaran yang lebih besar dan lebih banyak.

ALLAH Maha Menang atas menjayakan urusannya… *walhamdu lillahi robbil `alamin*.

Makna Dari Dalam Makna-19

31 Julai 2015

Selalu Sidna Syeikh Abdun Nasir رضي الله عنه وأرضاه ونفعنا الله به berkata bahawa :

para pelaku fitnah di tiap masa dan tempat… mereka adalah saudara mara syaitan, anak pinak dan zuriatnya.

Kerana mereka tidak mendapat didikan adab… tidak menuntut penyucian jiwa dari syeikh yang kamil, memberi nasihat, arif, washil lagi maushul (sampai dan menyampaikan).

Sidna Syeikh lalu membacakan ayat suci dari Surah Al-Hajj : 53

لِيَجْعَلَ مَا يُلْقِي الشَّيْطَانُ فِتْنَةً لِّلَّذِينَ فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٌ وَالْقَاسِيَةِ قُلُوبُهُمْ

“Supaya ALLAH menjadikan apa yang dilontar oleh syaitan sebagai fitnah bagi mereka yang di dalam hatinya ada penyakit dan juga yang bagi mereka yang keras hati”.

Diantara ciri ahli fitnah… dua sifat yang disebut dalam ayat tadi:

1-Dalam hati mereka ada penyakit… mereka tidak berzikir mengingat ALLAH dengan zikir yang banyak… mereka tidak pergi kepada tabib mahir yang merupakan syeikh kamil bagi mendapatkan rawatan dan ubat.

2-Mereka yang keras hati… mereka tidak mengambil didikan adab… tidak mengambil penyucian jiwa… tidak mengambil didikan dari syeikh pentarbiyyah yang merupakan syeikh kamil (syeikh sempurna)...

lalu natijah dari itu ialah mereka menjadi bejana-bejana kepada syaitan terkutuk yang melakukan apa saja kepada mereka dan mereka tak punya daya upaya (melawannya)… syaitan menggunakan mereka sesuka hatinya sedang mereka tidak menyedari… sebaliknya mereka kira diri mereka benar dan betul.

Kerna inilah Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم telah bersabda :

الفتنة موجودة .... ولعنة الله على من أيقظها

"Fitnah itu sedia ada… laknat ALLAH bagi yang membangkitkannya".

Makna Dari Dalam Makna-20

1 Ogos 2015

Ketika umat Islam… adalah umat yang gagah, menonjol, tinggi, maju dan berpelajaran... waktu itu syair merupakan alat dan medium terkuat dan paling memberi pengaruh kepada massa di tingkat awam dan khas dari timur ke barat di tiap negeri kaum Muslimin dan nonmuslimin.

Ia sampai ke tahap pekerja biasa di semua negeri kaum Muslimin dapat menghafal syair hanya pada kali pertama mendengarnya … kemudian dia dapat membicarakannya dan menyampaikan kepada orang lain pula.

Ini memberi petunjuk yang jelas bahawa adanya hubungan langsung antara pihak kerajaan -apabila ia merupakan kerajaan yang kuat dan merdeka- dengan rakyat jelatanya. Itu menjadikan tiap rakyatnya intelek… berpelajaran...beradab… bertamadun.

Pada waktu itu syair tersiar bagai radio, tv dan internet di zaman sekarang.

Kerana ini dan itulah seorang penyair mempunyai pamor ilmiah yang tinggi… berkedudukan rapat dan berdamping kepada para sultan, raja-raja dan para amir di zaman itu. Hakikatnya para penyair di zaman itu merupakan alim ulamanya, para ahli hikmahnya, kasta inteleknya dan golongan yang diminta pendapat serta musyawarahnya.

Dikeranakan ini ALLAH Robbana menyebut berkenaan syair dalam Surah Yasin pada ayat berikut

Dalam firmannya itu ALLAH Azza wa Jalla menegaskan bahawa "Kami tidak mengajar syair kepadanya untuk dia menjadi penyair… dan adalah syair itu tidak boleh bagi Baginda صلى الله عليه وسلم untuk mempelajari dan mempraktisnya…

Kerana Baginda صلى الله عليه وسلم itu dari kalangan anbiya' dan mursalin… dan Baginda صلى الله عليه وسلم itu mengatasi segala martabat dan maqam yang diketahui, yang dimafhumi, yang dapat diungkapkan, yang biasa ada dan masyhur.

وَمَا عَلَّمْنَاهُ الشِّعْرَ وَمَا يَنبَغِي لَهُ إِنْ هُوَ إِلاَّ ذِكْرٌ وَقُرْآنٌ مُّبِينٌ (٦٩) لِيُنذِرَ مَن كَانَ حَيًّا وَيَحِقَّ الْقَوْلُ عَلَى الْكَافِرِينَ (٧٠)

"Dan tidaklah Kami telah mengajarinya

(Rasulullah) syair, dan syair itu tidak patut bagi dia, tidaklah dia melainkan zikir dan Quran yang terang nyata (69) Untuk dia memberi amaran kepada siapa yang hidup (hatinya) dan supaya nyata tetapnya kata (hukuman) bagi mereka yang kafir (70)".

Kemudian kita datangi pula sirr yang terbesar sepertimana terangnya ia seterang suria…

Bahawa dia صلى الله عليى وسلم adalah az-zikr… inilah jawaban yang hilang dan sudah tiada lagi.

Renangi dan selamilah makna ini, nescaya kau akan lihat keajaiban yang tiada tandingnya.

Dan bahawa dia صلى الله عليه وسلم adalah Al-Quran yang terang nyata… dan inilah solusi bagi segala permasalahan kita.

Terbanglah bagai burung, nescaya engkau akan melihat keajaiban segala makna yang menyatakan bahawa Saiyidina wa Maulana Muhammad adalah Al-Quran yang berjalan di muka bumi… demikianlah sudah sampai khabarnya kepada kita seperti yang dituturkan oleh lidah kekasih Baginda Saiyidina wa Maulana Muhammad صلى الله عليه وسلم… As-Siddiqah Binti As-Siddiq… Saiyidatina bonda kita yang suci lagi disucikan, bonda yang mulia Aisyah Ummul Mu'minin ibu segala hamba yang miskin.

Kemudian kita datangi makna yang gilang gemilang lagi ajaib… bahawa dia صلى الله عليه وسلم adalah penggera

amaran bagi hati-hati yang hidup...

dan demikian jugalah halnya dengan para khalifah Baginda kalangan masyaikh kamil dari umatnya… mereka untuk para insan yang hatinya hidup, yang dihatinya punya kejujuran, kesucian, mahabbah dan tolak ansur… mereka bukan untuk manusia-manusia berhati mati, terpolusi, kotor, busuk dan najis.

Demikianlah suatu makna yang mengkagumkan lagi zahir pada ayat suci ini… pernyataan bahawa Baginda صلى الله عليه وسلم menerang, menjelas dan menyatakan kepada nonmuslimin tentang kebenaran dalam segala rupa, warna dan bentuknya ada pada Baginda صلى الله عليه وسلم dan bahawa kamu tidak punya pilihan selain dari mengikut aku agar dirimu selamat dan berjaya… jika ada bagimu akal walau sedikit.

Makna Dari Dalam Makna-21

15 Ogos 2015

Ada nama-nama baru yang bermunculan… ALLAH jua yang Maha Tahu apa maksud orang-orang itu...

1-Rawatan Syar'ie

2-Ruqyah (jampi) Syar'ie

3-Bank Islam

4-Pusat Keuwangan Islam

5-Akaun Islami

6-Pinjaman Patuh Syariah Islam

7-Riba Islami

dan entah berapa banyak macam lagi.

Di sini saya hanya mahu mencatat satu komentar tunggal… dari situ boleh jadi kita akan faham… sedar

dan mengetahui bahawa semua orang main dan mempermainkan Syariat Islam kita yang mudah, indah dan manis.

Kalau awak nak buat pinjaman bank… merek akan tanya awak… mahu riba internasional… atau riba Islami.

Bila awak kira beza antara keduanya… awak pun melihat keajaiban… lalu memilih yang tidak Islami.

Kerana faedah yang dikenakan oleh pinjaman biasa jauh lebih sedikit… dari pinjaman yang katanya Islami itu… dan diluluskan oleh para ulama dunia untuk menyempurnakan riwayatnya… lalu dipercayai oleh masyarakat umum dari umat yang dirahmati ini.

Adapun para ulama Akhirat mereka lari… mereka menjauhi… mereka mengingkari dan tak menerima segala macam festival, badut, sarkis, teater… silap mata… dan silat kata-kata ini.

Kerana ini dan itulah… bank-bank antarabangsa membuka cawangan patuh syariah Islam dan memberi pinjaman cara Islam

walhal mereka tidak mengiktiraf Islam… bagaimanakah itu wahai para pemikir umat????

Bagaimana itu… saya tak faham $$$… tuan-tuan ada fahamkah!!!!

Ya Robbi, sesungguhnya kami mengingkari semua

itu dengan hati kami… kerana kami orang-orang dhaif di zaman ini.

Allahumma Robbana BagiMu Segala Pujian Kerna Engkau Menjadikan kami Muslimin -1

25 Ogos 2015

Mabrouk (tahniah) buat kita semua… kerana punya kemuliaan manusiawi.

Di masa kini … pintu masuk utama di kebanyakan negara dunia… adalah lapangan terbang.

Dahulu kita merasa takut …(tanpa sebab)… ketika berangkat meninggalkan atau selamat sampai ke lapangan terbang, kerana di situ...

seragam tentera… adalah pakaian para pegawai kastam… dan imigresen.

Sekarang satu perubahan besar telah berlaku di lapangan terbang negara-negara Arab dan Islam.

Ia bermula di beberapa buah negara… dan sekarang

bulan Ogos 2015M

saya lihat di Lapangan Terbang Istanbul, Turki...

pihak mereka telah menukar pakaian pegawai kastam di lapangan terbang… tukar dari pakaian gaya tentera yang menakutkan kepada pakaian gaya sivil yang selesa dan sebelum itu mereka lebih dahulu telah menukar pakaian pegawai imigresyen.

Terima kasih kepada yang telah mencetuskan atau memulakan perubahan ini.

Pertama kali saya melihatnya beberapa tahun yang lalu di Lapangan Terbang Dubai… Emiriah Arab Bersatu… kemudian di Kuwait… kemudian… kemudian di Saudi.

Alhamdulillah atas berlakunya perubahan pada zahir ini… dan Insya ALLAH semoga Robbana mengubah kepada yang lebih baik pula pada batin kita.

Allahumm amin.

Banyak negara dunia… contohnya… negara-negara besar dan banyak lagi yang lain… masih tak mampu menukar pakaian mereka.

Sesampainya kamu di lapangan terbang mereka kamu rasa takut… seolah-olah kamu berada di bawah pemerintahan tentera… semua (pegawai) di situ memakai seragam askar.

Saya cinta demokrasi… sekiranya demokrasi itu

mewakili fitrah manusiawi...

kerana saya seorang yang asyik dengan fitrah manusiawi.

Insya ALLAH semoga gerakan perubahan terus berlaku kepada semua penduduk bumi… kepada seluruh negara dunia...

tidak hanya kepada kaum Muslimin… serta negara-negara Arab dan Islam saja.

Semua orang perlu berubah… kepada fitrah manusiawi

Allahumma amin.

Allahumma Robbana BagiMu Segala Pujian Kerna Engkau Menjadikan kami Muslimin -2

25 Ogos 2015

Kalau kamu pergi musafir serata negara dunia nescaya takkan kau dapati dalam soal kemurahan hati dan para budiman ada yang lebih afdhal dari mereka yang memiliki fitrah insaniah (manusiawi).

Agama Islam menyeru kita kepada kemuliaan fitrah insaniah… kita adalah kaum Muslimin dengan sebenar-benar dan sejujur-jujurnya apabila kita menjulang syiar fitrah insaniah.

Dengan fitrah insaniah kita kaum Muslimin adalah para budiman dan memuliakan tetamu… kita bermurah hati kepada semua… kepada seluruh makhluk.

Kita mewarisi keahlian ini… semua orang dari pihak kita mempelajarinya dan mengamalkannya… ia tersebar merata-rata dan diketahui adanya di semua negeri yang menerima kedatangan Islam dan pemeluknya.

Akan tetapi kaum non muslimin… mereka tidak menyaksikan adanya nuansa budiman dan kemurahan hati… tidak pada kaum keluarga mereka dan tidak pada masyarakat mereka.

Kerna inilah mereka tak tahu menahu tentangnya… mereka tidak mempelajarinya… mereka tidak menyebarkannya… dan mereka tidak mengamalkannya.

Lalu bagaimana kita nak belajar sifat kemurahan hati dari mereka… sedangkan mereka memang tak pernah pun mendengar tentangnya… tak pernah pun.

Point ini untuk difahami… darinya kita dapat memahami banyak dan terlalu banyak perkara mengenai perbezaan berbagai negeri dan manusia hamba Tuhan.

Tikamana kita kaum Muslimin sudah kehilangan fitrah insaniah… kita pun kehilangan sikap murah hati dan memuliakan tetamu.

Kerana ini… dan kerana itulah… kita jadi sama seperti mereka… tiada bezanya antara kita dengan mereka.

Lalu mengapa nak rasa marah atau sempit dada… setelah kita rugi segala-galanya… kalau sudah kufur nak berkira dosa apa lagi.

فاقد الشيء لا يعطيك

Orang yang tiada suatu benda itu, takkan dapat memberinya kepadamu.

Allahumma Robbana BagiMu Segala Pujian Kerna Engkau Menjadikan kami Muslimin -3

25 Ogos 2015

Orang non muslimin punya hak untuk melakukan apa saja yang mereka mahu… itulah kata mereka tentang hak asasi mereka. Itu bagaimana???... Dan itu kenapa????

Kami setuju… kita tak punya apa-apa masalah dan bantahan… ini bahagian dari fitrah insaniah.

Demikian jugalah halnya bagi kami kaum Muslimin… punya hak sepenuhnya… pada segala yang kami lakukan

dan ini juga bahagian dari fitrah insaniah.

Wajib untuk kita menulis dan bersuara dengan lantang, dengan suara yang dapat didengar dan beradab

tentang segala hak asasi milik kita.

Kita tidak benarkan orang non muslimin… kita tidak benarkan golongan fanatik… kita tidak benarkan golongan khawalif (pemundur) dan jahil...

untuk menjadi *representative* kepada Islam dan para pemeluknya.

Contohnya dalam soal pakaian :

Mereka berhak untuk memakai apa saja yang mereka mahu… baju pendek dan ketat hingga ke tahap tak dapat dibezakan lagi antara lelaki dengan perempuan....

tak mengapalah dan itu diterima… kita tak boleh nak membantahnya.

Demikian jugalah kaum Muslimin, mereka berhak untuk memakai pakaian yang mereka mahu… serban, jubah dan pakaian mereka.

Kenapa nak takut… mengapa mereka jadikan kita takut untuk mempraktis syiar-syiar Islam kita.

Apa dah jadi????... Kita semua wajib menghentikan permainan yang tak boleh diterima ini

dan wajiblah kita membanggai identiti Islam kita… sepertimana mereka membanggai indentiti mereka yang tidak Islam.

Eidul Adha

9 Oktober 2014

Alhamdulillah syukur pada ALLAH.
Kita (di Tanah Arab) dah Solat Eid… Eidul Adha yang berkatnya berkepanjangan… tapi sekarang dah hilang berkatnya.

Kita sudah tiada amalan takbir raya… sekarang yang buat hanya bilangan jari. Terkenang masa dahulu yang amat indah hari-harinya tika kami masih anak kecil di Masjid Nabawi yang mulia.

Saya teringat satu hari dulu pernah melawat ke Indonesia bersama seorang kawan untuk berziarah kepada teman-teman di sana, tepatnya di kawasan Jakarta lama dan lebih spesifik lagi di lokasi masjid-masjid tuanya yang klasik. Ya Salam ya Salam selamatkanlah dan peliharalah adat-adat yang molek itu. Dari lepas solat isya' hingga ke Solat Eid takbir raya tak putus-putus berkumandang.

Allahumma Robbana tambahkanlah kapasiti kami pada segala alam maknawi…kalaupun pada alam hissinya sudah hampir akan habis.

Ya Robbi baikilah kerosakan hati kami.

Ibadah Haji

17 September 2014

Ibadah haji... tahukah engkau apa itu haji...
Para jemaah haji sudah mula berdatangan ke kota Madinah Al-Munawwaroh At-Thoibah dan Makkah Al-Mukarromah Al-Mu`azzomah.

Tak berapa hari lagi musim haji dan manasiknya pun bermula.

Ibadah haji... ada haji yang dengan jasad dan badan

Ibadah haji... ada haji yang dengan jiwa, hati dan roh.

Mohon doa dari tuan-tuan dan puan-puanku sekalian, duhai mereka yang dimuliakan ALLAH dapat hadir dan wukuf di Arafah dan Arafaat, menghadiri syiar-syiar suci yang diterima dan mustajab doa padanya.

Allahumm Robbana jadikanlah kami semua yang

hadir yang yang tidak sama-sama beroleh bahagian dan nasib beserta mereka yang dimustajabkan dia tiap tempat yang mustajab...seperti Masjid Al-Ijabah.

Allahumma Robbana Amin

Sempena Hari Pertama Bulan ZulHijjah

6 Oktober 2013

Dalam Al-Quran surah Aali `Imran ayat 81-82 Allahu Maulana Robbuna Azza wa Jalla yang kita cintai telah berfirman:

وَإِذْ أَخَذَ اللّهُ مِيثَاقَ النَّبِيِّيْنَ لَمَا آتَيْتُكُم مِّن كِتَابٍ وَحِكْمَةٍ
ثُمَّ جَاءكُمْ رَسُولٌ مُّصَدِّقٌ لِّمَا مَعَكُمْ لَتُؤْمِنُنَّ بِهِ وَلَتَنصُرُنَّهُ
قَالَ أَأَقْرَرْتُمْ وَأَخَذْتُمْ عَلَى ذَلِكُمْ إِصْرِي قَالُواْ أَقْرَرْنَا قَالَ
فَاشْهَدُواْ وَأَنَاْ مَعَكُم مِّنَ الشَّاهِدِينَ فَمَن تَوَلَّى بَعْدَ ذَلِكَ
فَأُوْلَـئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ

"Dan (ingatlah) ketika ALLAH mengambil perjanjian setia dari Nabi-nabi (dengan firmanNya): "Sesungguhnya apa jua kitab dan

hikmat yang Aku berikan kepada kamu, kemudian datang pula kepada kamu seorang Rasul yang mengesahkan apa yang ada pada kamu, hendaklah kamu beriman sungguh-sungguh kepadanya, dan hendaklah kamu bersungguh-sungguh menolongnya". ALLAH berfirman lagi (bertanya kepada mereka): "Sudahkah kamu mengakui dan sudahkah kamu menerima akan ikatan janjiKu secara yang demikian itu?" mereka menjawab: "Kami berikrar (mengakui dan menerimanya)". ALLAH berfirman lagi: "Jika demikian, maka saksikanlah kamu, dan Aku juga menjadi saksi bersama-sama kamu." kemudian sesiapa yang berpaling ingkar sesudah mengakui perjanjian setia itu, maka mereka itulah orang-orang yang fasik".

Robbana bukakanlah hati kami dan kurniailah pencerahan padanya, serta muliakanlah kami dengan nur hidayatMu, Allahumma amin.

Sesudah ini ada apa lagi padamu wahai golongan engkar, degil dan yang membangkang kepada Saiyidina wa Maulana Muhammad Rasulullah صلى الله عليه وسلم وعلى آله وصحبه وسلم تسليما كثيرا دائما متصلا متواصلا.

Allahummah redhoilah syeikh kami dan seluruh ahli keluarga beliau, begitu juga dua ibu bapa kami dan para ibu bapa mereka, para masyaikh kami, anak-anak kami, redhoilha kami, terimalah kami dan taufikkan kami sekalian.

Allahumma amin.

Bersempena dengan hari Ahad yang merupakan hari pertama bulan ZulHijjah 1434H yang bersamaan dengan 6 Oktober 2013M.

Tahun Baru -1

24 Oktober 2014

Takjubku teramat sangat kerana kita semua... memperingati tahun baru masihi sejak sebulan sebelumnya dan berbulan-bulan dengan segala macam persiapan dan… dan …

Tak pula kita memperingati tahun baru hijrah yang mendatang bagai tamu di hadapan pintu.

Apakah kita sedang menangis atau berteriak atau tidur atau…

Tak mahukah kita memperingati ayat ke (5) dari kita Tuhan kita yang Maha Mulia dalam Surah Saiyidina Ibrahim عليه الصلاة والسلام :

وَذَكِّرْهُمْ بِأَيَّامِ اللَّهِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّكُلِّ صَبَّارٍ شَكُورٍ

"Dan peringatkanlah mereka akan hari-hari ALLAH, sesungguhnya pada yang demikian itu

ada tanda-tanda kebesaranNya bagi tiap peribadi yang amat sabar lagi amat bersyukur".

Tahun Baru -2

30 Oktober 2013

Bersempena dengan hampir tamatnya tahun 1434 Hijriyyah ini...
ya Robbi demi jaah Saiyidina wa Maulana Muhammad maafkanlah kami dan tutuplah kami dengan tutupanMu yang indah.

Lagi bersempena dengan hampir bermulanya tahun baru 1435 Hijriyyah ku ucapkan padamu tuan dan puanku dengan penuh rasa tawadhu' dan mahabbah

كل عام وانتم جميعا بخير وصحة
وسعادة وزيادة وتوفيق وقبول

Moga sepanjang tahun dirimu dalam kebaikan, afiat dan kebahagiaan yang bertambah-tambah beserta taufik dan kabul.

Allahumma Robbana amin.

Moga tidak lupa mendoakanku jua.

Tahun Baru -3

24 Oktober 2014

Permulaan Tahun baru hijrah 1436H
Tuan-tuan dan puan-puan

Moga setiap tahun hadrat tuan-puanku sekalian dalam kebaikan, kesihatan dan tambah dekat dengan ALLAH yang Maha Wahhab Maha Fattah.

Allahumma Robbana jadikahlah tahun ini sebagai tahun yang ditolong padanya sekalian manusia agar mereka dapat faham, mengetahui, beramal dan beradab.

Kami semua juga mohon begitu…. Allahumma amin.

Kita Masih Mentah...

3 Februari 2013

Kita ini masih mentah pada umur... masih mentah pada ilmu, amal dan adab. Orang tua-tua kalangan kerabat kami -moga ALLAH redhoi mereka semua- asyik menyebut-nyebut munajat: "Ya Robbi ya Habibi... ya Robbi ya Habibi..."

Sukalah aku bertabarruk dengan mereka lalu aku pun mengucapkan : Tuhanku yang Maha Kekasih telah berfirman... ALLAH Tuhan yang Maha Kekasih kepada kita telah berfirman:

وَوَصَّيْنَا الإنسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهْنًا عَلَى وَهْنٍ وَفِصَالُهُ فِي عَامَيْنِ أَنِ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَيَّ الْمَصِيرُ (14) وَإِن جَاهَدَاكَ عَلَى أَن تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلا تُطِعْهُمَا وَصَاحِبْهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا وَاتَّبِعْ سَبِيلَ مَنْ أَنَابَ إِلَيَّ ثُمَّ إِلَيَّ مَرْجِعُكُمْ

فَأُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ (١٥)

"Dan Kami wasiatkan kepada insan berbakti kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya Dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibubapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan).

"Dan jika mereka berdua mendesakmu supaya Engkau mempersekutukan denganKu sesuatu yang engkau - dengan fikiran sihatmu - tidak mengetahui sungguh adanya maka janganlah Engkau taat kepada mereka; dan bergaullah dengan mereka di dunia dengan cara yang baik. Dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepadaKu, kemudian kepada Akulah tempat kembali kamu semuanya, maka Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan" - Saiyidina Luqman: 14-15

Marilah kita merenung dua perkara dari sekian banyak perkara, isu, ilmu dan pemikiran yang tak terhitung kira banyaknya:

1- "Dan kami wasiatkan insan berbakti kepada dua ibu bapanya...". Robbana tahu dalam diri kita manusia ini ada sifat tak kenang budi, engkar jasa, maka itulah

ALLAH mewasiati kita dengan perkataan yang paling halus dan seni.

2- "…dan turutlah jalan orang-orang yang rujuk kembali kepadaKu…"

Mereka yang kembali rujuk kepada ALLAH itu adalah para masyaikh dan murobbi yang kamil mukammil (sempurna lagi menyempurnakan) bersama dalam daerah mereka adalah para muridin mereka. Nyatanya ini merupakan dalil yang jelas lagi terang tentang mentakzim para murid penuju ALLAH, kembara penuju ALLAH dan salik (penempuh) jalan Akhirat.

Allahumma Robbi, Allahumma Robbana bukakanlah pendengaran hati kami untuk berzikir mengingatmu dan mensyukurimu… Allahumma amin.

Malam Nisfu Sya'ban

Malam Nisfu Sya'ban
Tahniah keberkatan bagi yang hadir... dan bagi yang mentakzim malam ini dengan iman, yakin dan iqtikad.

Kasihan bagi si terhalang... si pemungkar... si penentang.

Cukuplah satu dalil ini dan darinya kita dapat faham segala-galanya.

وَقَالَ سَيِّدُنَا الإِمَامُ الشَّافِعِيُّ رَضِيَ اللهُ عَنهُ وَنَفَعَنَا بِهِ : (بَلَغَنَا أَنَّ الدُّعَاءَ يُسْتَجَابُ فِي خَمْسِ لَيَالٍ: فِي لَيْلَةِ الْجُمُعَةِ، وَلَيْلَةِ الْأَضْحَى، وَلَيْلَةِ الْفِطْرِ، وَأَوَّلُ لَيْلَةٍ مِنْ رَجَبٍ، وَلَيْلَةُ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ).

Sidnal Imam As-Syafie رضي الله عنه ونفعنا به berkata :

"Telah sampai perkhabaran kepada kami bahawa doa mustajab pada lima malam; malam Jumaat, malam Aidil Adha, malam Aidil Fitri, malam pertama Rejab dan malam Nisfu Sya'ban".

Ini satu.... ambil yang nombor dua pula

عن سيدنا معاذ بن جبل رضي الله عنه ونفهنا به عن سيدنا ومولانا النبي صلى الله عليه وسلم قال : (يَطَّلِعُ اللهُ إلى جميع خلقه ليلة النصف من شعبان فيغفر لجميع خلقه إلا لمشرك أو مشاحن) ...

Dari Saiyidina Muaz bin Jabal رضي الله عنه ونفعننا به, ***dari Saiyidina wa Maulana Nabi*** صلى الله عليه وسلم ***Baginda bersabda : "ALLAH menilik kepada semua makhlukNya pada malam Nisfu Sya'ban lalu mengampuni semua makhlukNya kecuali bagi yang musyrik atau yang terus bergaduh membenci"...***

...diantara makna bergaduh membenci ialah ... yang membenci para awliya dan solihin.

Ambil pula yang ketiga:

وقد ورد عن سيدنا عبدالله ابن عباس رضي الله عنهما ونفعنا بهما في قوله عزوجل : {يَمْحُو اللَّهُ مَا يَشَاءُ وَيُثْبِتُ وَعِنْدَهُ أُمُّ

الْكِتَابِ} [الرعد: 39]، قال : (ليلة النصف من شعبان : يُدبر أمر السنة .. فيمحو ما يشاء ويُثبت ما يشاء ... الشقاوة والسعادة .. والموت والحياة.

Telah warid dari Saiyidina Abdullah Ibnu Abbas رضي الله عنهما ونفعنا بهما ***tafsir firman ALLAH Taala surah Ar-Ra'd ayat 39 : ((ALLAH memadam apa yang Dia mahu dan menetapkan (apa yang Dia mahu), dan disisiNya ada Ummul Kitab (ibu segala suratan))... kata beliau mengenai ayat ini : "Iaitu malam Nisfu Sya'ban, dimana padanya ALLAH mengatur urusan pada tahun itu... lalu Dia memadamkan apa yang dikehendakiNya dan menetapkan apa yang dikehendakiNya... kebahagiaan dan kecelakaan... kehidupan dan kematian".***

Wahai mereka yang berakal waras, apa yang kita fahami dari kenyataan ini... patutkah kita menghidupkan malam ini atau tidak

Dan kenapa pula kita nak dengar caka-cakap orang jahil dan ahli kejahilan... yang cuma tahu mengingkar saja... kerana mereka tidak berakal.

Kenangan Isra' Mikraj

16 May 2015

Di malam Israk Mikraj pada tahun ini 1436H, kenangan membawa aku menghimbau masa lalu yang indah…

Bait-bait ini telah ku dengar dari Sidna Syeikh Al-Kamil Abdun Nasir Al-Hasani As-Syazili -رضي الله عنه وأرضاه ونفعنا به- waktu kami sedang bersama-sama beliau dalam perjalanan menziarahi Saiyidina Hamzah Bin Abdul Muttholib -رضي الله عنه وأرضاه-.

Ketika membacakan bait-bait ini beliau menangis, apabila melihat beliau mengalir air mata aku pun turut menangis… saat itu aku belum tahu apa maknanya… juga aku tak tahu apakah maksud dari lisanul hal beliau… apakah yang beliau mahu sampaikan kepada kami… aku tak ingat berapa orangkah kami waktu itu… dan siapakah yang bersama dari kalangan junjungan Syaziliyyyah ku…

وتبكيهم عيني وهم في سوادها ...... ويشكو آلنوى قلبي وهم بين أضلُعي

وإن طالبوني في حقوق هواهُمُ ...... فإني فقيرٌ لا عليَّ ولا معي

Mataku menangisi mereka,

sedang merekalah hitam mataku

Hatiku mengadu kejauhan,

sedang mereka di tulang rusukku

Kalau mereka menuntut dariku

segala hak mencintai mereka

tak ku mampu membayarnya

Aku hanya seorang fakir

tak punya apa dan tak berdaya

Malam ini aku menangis sekali lagi... kerana aku masih... terhijab... jauh... dan masih tak memahami.

Dua bait tadi dari rangkap syair al-kamilah ungkapan Syeikh As-Syuyukh Abu Madyan Al-Ghauts -رضي الله عنه ونفعنا به-.

Moga Jeritan Ini Dapat Menghidup Kembali Hati Yang Kealpaan -1

16 May 2015

Saya di Airport Istanbul, waktu sudah hampir masuk solat zohor. Kita amat berterima kasih kepada pihak pengurusan airport... mereka telah memilih lokasi paling cantik untuk dijadikan tempat solat. Dekat dengan pintu 218.

Siapa yang masuk ke masjid itu dapat melihat lalulintas pesawat udara ... memang satu lokasi yang cantik, mengkagumkan dan istimewa. Saya rasa inilah satu-satunya lapangan terbang di dunia yang mengambil perhatian tentang lokasi tempat solat... masjidnya ditakzimkan dan diletak di lokasi paling cantik... semoga Robbana memberkati siapa saja yang telah memberi saham dan mentakzim tiap masjid hatta

dalam soal memilih lokasinya.

Yang menyakitkan pada perkara ini ialah:

Saya masuk ke masjid itu... saya lihat semua orang sedang solat... Alhamdulillah syukur pada ALLAH.

Akan tetapi... akan tetapi... akan tetapi...

Waktu solat masih belum masuk... kaum Muslimin tidak peduli

Yang penting mereka solat...

Mereka solat sebelum waktunya... ittu tak penting.

Mereka solat dengan wudhu' yang tidak soheh... itu tak penting.

Mereka solat dengan taharah sempurna... itu tak penting.

Yang penting mereka mengerjakan solat... lihatlah sudah sampai ke mana kita ini.

Tuan-puanku sekalian, apakah ini yang kita faham dari solat?!

Allahumma Robbana, *faqih*kanlah kami pada agama kami... dan maafkanlah kami...